



فجابه فغاره تانه دان كالين، ترنگانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon: 09-631957 samb. 2308/2310
Fax : 09-634278

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 1/1995

PENYAKSIAN DI DALAM BORANG PINDAH MILIK (BORANG 14A)

Adalah diperhatikan kebelakangan ini ruangan alamat yang terdapat di dalam Borang 14A tidak disempurnakan dengan lengkap. Kegagalan pihak terlibat mengisi dengan alamat yang tepat telah menimbulkan kesukaran kepada pentadbiran tanah untuk mengesan balik tuanpunya tanah. Pengesanan semula ini diperlukan bagi membolehkan sebarang hubungan di masa akan datang dapat berjalan dengan lancar. Tanpa alamat yang lengkap akan menyebabkan bil-bil cukai tanah tidak dapat diserahkan dan notis-notis pemberitahu pengambilan tanah tidak boleh disampaikan.

2. Dalam usaha untuk mengemaskini maklumat pihak yang berkepentingan terhadap pemilikan sesuatu bidang tanah, saya ingin menarik perhatian Dato'/Tuan supaya dapat memastikan ruangan alamat penerima pindahmilik diisi dengan lengkap termasuk poskod semasa menyaksikan pindahmilik dibuat. Sebolehnya alamat yang tetap diisi dan alamat yang menggunakan syarikat peguam adalah tidak digalakkan sama sekali.

3. Sewaktu menerima perserahan suratcara dan semasa hendak mendaftarkan urusan berkaitan, Pendaftar/Pentadbir Tanah hendaklah menyemak ruangan alamat terutamanya suratcara yang diserahkan oleh peguam-peguam. Jika sekiranya alamat tidak dipenuhi dengan sempurna, suratcara tersebut hendaklah dikembalikan kepada peguam-peguam berkenaan untuk diperbetulkan.

4. Contoh-contoh alamat yang lengkap adalah sepertimana petikan sebahagian Borang 14A, mukasurat 2 di bawah:-

*Saya JUSOH BIN ALI k.p. no. A7200111

beralamat di No.33 Kg. Rawai, 21400 BUKIT PAYONG, TERENGGANU

menerima pindahmilik ini.


...2/-

*Kami SYARIKAT ABC SDN. BHD. No. pendaftaran 2351/75
beralamat di No.12 Tkt. 1, Wisma Seri Kota, Jalan Sultan Omar,
20200 KUALA TERENGGANU menerima pindahmilik ini.

Sekian, semoga mendapat kerjasama di semua pihak.

"KUALITI TERAS KEJAYAAN"

Saya yang menurut perintah,


(DAYO' RAKNA BIJAYA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran:

1. Pentadbir Tanah, Besut.
2. Pentadbir Tanah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah, Marang.
7. Pentadbir Tanah, Setiu.
8. Pengerusi Persatuan Peguam-Peguam Negeri Terengganu.

s.k

1. Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Ketua Pengarah Tanah dan Galian.
3. Semua Timbalan/Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

PTG. TR. *G/05/1988/06/02 -(43)
2 April 1995
bersamaan 2 Zulkaedah 1415.